



**Persatuan Pelajar BBA(Hons) Eksekutif**  
**Universiti Utara Malaysia, Kampus Kuala Lumpur**  
**41-3, Jalan Raja Muda Musa Abdul Aziz**  
**50300 Kuala Lumpur**



No. Rujukan : PPBBAE/2007/100(2)

Tarikh : 29 Januari 2007

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan,

Melalui Dan Salinan :

Pengarah  
UUM Kampus Kuala Lumpur  
41-3, Jalan Raja Muda Abdul Aziz  
50300 Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

**JEMPUTAN UNTUK MENJADI PESERTA PROGRAM DERMA DARAH & HARI TERBUKA KAMPUS KUALA LUMPUR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEMENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, Persatuan Pelajar BBA(Hons) Eksekutif, UUM KL dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Cawangan Titiwangsa, Pejabat Parlimen Titiwangsa dan Universiti Utara Malaysia, Kampus Kuala Lumpur (UUMKL) akan mengadakan program Derma Darah pada tarikh, masa dan tempat seperti yang tersebut dibawah:

**Tarikh** : **Ahad, 11hb Februari 2007**  
**Masa** : **10 pagi – 5 petang**  
**Tempat** : **Kampus Kuala Lumpur, Universiti Utara Malaysia**

2. Salah satu daripada aktiviti utama yang akan di adakan pada hari tersebut adalah Derma Darah. Program ini bertujuan untuk membantu pihak Tabung Darah Negara, Malaysia mendapatkan bekalan simpanan darah yang mencukupi yang mana sejak kebelakangan ini simpanan darah semakin berkurangan. Misi program ini adalah untuk mengumpul 1 juta CC darah, sekaligus menempa nama di dalam *Malaysia Book Of Record*.
3. Selain aktiviti Derma Darah, pihak kami akan mengadakan beberapa aktiviti-aktiviti yang menarik untuk para pengunjung seperti menyediakan gerai-gerai jualan dan pameran, pemeriksaan motosikal percuma oleh Puspakom, “Live Band”, dan Jumbo Sale.
4. Oleh yang demikian, kami ingin mengalu-alukan serta menjemput semua warga kerja pihak tuan/puan untuk menjadi peserta menderma darah pada hari tersebut. Penyertaan tuan/puan akan lebih memeriahkan lagi Program tersebut.
5. Bersama-sama dengan surat ini, dilampirkan borang senarai nama-nama yang ingin menderma darah pada hari tersebut. Sila kembalikan borang ini melalui talian faks UUM KL, bernombor **03-2694 9228**, selewat-lewatnya pada *Rabu, 6hb Februari 2007*.

Sekian, terima kasih.

***‘BERILMU, BERBUDI, BERUSAHA, BERBAKTI TERAS KEJAYAAN’***

Yang Benar,

.....  
**MOHD ASMAWI AHMAD**

Pengarah

Program Derma Darah & Hari Terbuka UUMKL

(PPBBAE)

## SENARAI NAMA-NAMA PENDERMA DARAH

Bil	Nama	No. KP / Passport	Jabatan / Syarikat / Individu
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			
11.			
12.			
13.			
14.			
15.			
16.			
17.			
18.			
19.			
20.			

- Sila faks senarai nama ini ke talian: 03-2694 9228, U/P: **En. Asmawi / En. Edzri Effendi** atau menyerahkan terus ke *Universiti Utara Malaysia, Kampus Kuala Lumpur, 41-3, Jalan Raja Muda Musa Abdul Aziz, 50300 Kuala Lumpur.*
- Sebarang pertanyaan boleh ditujukan kepada: En. Tan Choon Yeap di talian **012-308 9118**, En. Azman Shah Abu Kasim : **012-6151461** atau Cik Izawati (UUM KL): 03-2694 4228

